

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HLT 203/NSK 037 - Teater Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Para pelajar dinasihatkan supaya jangan menggunakan bahan yang sama bagi lebih daripada satu jawapan. Para pelajar diperingatkan bahawa peperiksaan ini tidak meliputi teater di Malaysia. Jawapan-jawapan yang menitikberatkan bentuk-bentuk teater di Malaysia tidak akan diterima.

1. SAMA ADA

- [a] Bincangkan, dengan bentuk-bentuk teater yang sesuai sebagai contoh, kegunaan epiq Ramayana ataupun Mahabarata di dalam teater tradisional Asia Tenggara.

ATAU

- [b] Bincangkan pengaruh Islam di dalam teater Asia Tenggara. Anda diminta menyentuh aspek-aspek kepercayaan, kandungan, stail persempahan dan juga tujuan teater berdasarkan pengaruh Islam.

2. Apakah berbezaan-perbezaan utama yang terdapat di dalam stail-stail wayang kulit yang menggunakan patung-patung besar dan wayang kulit yang menggunakan patung-patung kecil dari segi konsepsi, corak patung, serta cara pementasan? Untuk menggambarkan perbincangan anda, anda diperlu memberi contoh-contoh bentuk wayang kulit yang sesuai.

3. Apakah anda memahami dari istilah "proto-theatre" ataupun teater mula. Pilih sekurang-kurang tiga (3) jenis "proto-theatre" dan bincangkan [a] kandungan; [b] stil persembahan dan [c] peranan dalam masyarakat.
4. Bincangkan bagaimana ritual digunakan dalam teater Asia Tenggara dan perannya. Seterusnya pilih sekurang-kurangnya dua(2) bentuk teater di Asia Tenggara yang paling sesuai untuk menggambarkan operasi ritual di dalam teater dan bincangkan bentuk-bentuk teater pilihan anda secara terperinci.
5. Bincangkan dengan terperinci perkembangan zarzuela yang bercorak "seditious", iaitu zarzuela yang ditulis dan dipentaskan khusus untuk menentang pentadbiran Spanyol dan Amerika di Filipina. Untuk menggambarkan perbincangan, anda diminta memberi contoh skrip serta pementasan yang sesuai.
6. Tuliskan sebuah eseai mengenai salah satu (1) daripada tajuk-tajuk berikut:
  - [a] Kepentingan ahli lawak (punakawan) di dalam wayang kulit dan wayang wong di Jawa dan Bali.
  - [b] Kegunaan topeng di dalam teater Asia Tenggara.
  - [c] Bentuk-bentuk teater bercorak Kristian di Filipina.

-00000000-